

22 SEP 1998

Tajol-Anwar/I

ANWAR AKAN DIHADAPKAN KE MAHKAMAH MINGGU INI

BANTING, 22 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dihadapkan ke mahkamah minggu ini, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazalim hari ini.

Beliau berkata polis sebenarnya mahu menghadapkan Anwar ke mahkamah semalam tetapi keadaan di luar bangunan Mahkamah Majistret Kuala Lumpur yang sesak dengan para penyokongnya tidak membolehkan pihak polis berbuat demikian, katanya kepada pemberita selepas majlis penerangan mengenai pemecatan Anwar daripada Kabinet dan Umno kepada anggota Bahagian Kuala Langat Umno, di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan CNBC hari ini yang menyatakan bahawa Anwar ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk tempoh yang tidak pasti.

Sambil berkata laporan CNBC itu tidak betul, Tajol Rosli menjelaskan bahawa polis sebenarnya mahu menghadapkan Anwar ke mahkamah secepat mungkin untuk mengelakkan lebih banyak tuduhan tidak adil berhubung pemecatan Anwar dilemparkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Polis membuat keputusan untuk tidak menghadapkannya ke mahkamah semalam selepas mengambil kira keadaan di luar bangunan Mahkamah Majistret di Jalan Raja yang sesak dengan kira-kira 10,000 orang yang berhimpun untuk melihat Anwar dihadapkan ke mahkamah," katanya.

Semalam, polis terpaksa bertindak melepaskan gas pemedih mata dan pancutan air untuk menyuraikan perhimpunan di hadapan Mahkamah Majistret itu setelah mereka enggan mematuhi amaran polis yang dibuat sebelum itu.

"Polis memerhati mereka yang berhimpun di luar mahkamah itu dari Bukit Aman sebelum memutuskan untuk tidak menghadapkan Anwar (semalam) dan saya sendiri berada di sana untuk memerhatikan keadaan," katanya.

Tajol Rosli berkata Anwar tidak akan menghadapi tuduhan di bawah ISA tetapi mengikut peruntukan lain undang-undang itu.

Ketika ditanya sama ada Anwar akan dituduh mengikut Seksyen 377D Kanun Keseksan yang sama yang dikenakan terhadap adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, dan perunding Pakistan Dr Munawar Ahmad Anees pada Sabtu lepas kerana membenarkan Anwar meliwat mereka, Tajol Rosli berkata beliau tidak pasti mengenainya.

Tajol Rosli juga menyarankan rakyat terutama para penyokong Anwar supaya membiarkan proses undang-undang dilaksanakan tanpa sebarang gangguan.

"Pada setiap ceramah Anwar selepas pemecatannya, beliau meminta keadilan dilaksanakan, oleh itu biarlah undang-undang dijalankan," katanya.

Ketika ditanya di mana Anwar ditahan sekarang, Tajol Rosli berkata bekas timbalan presiden Umno itu kini ditahan di Bukit Aman.

-- BERNAMA

KM NAK